

**PERBEZAAN JANTINA DAN PENGALAMAN MENGAJAR GURU BAHASA MELAYU
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA TERHADAP PENGAJARAN
PENDIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA**

(Different of Gender and Teaching Experience Malay Language Teacher at National Type Chinese School's in Teaching Road Safety Education)

NGO JIE SHENG
SJKC Tun Cheng
Kementerian Pendidikan Malaysia
ngojiesheng@moe.edu.my

Dihantar pada:
24 April 2020

Diterima pada:
15 Disember 2020

Koresponden:
ngojiesheng@moe.edu.my

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk melihat kesediaan guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Batu Pahat terhadap pengajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR). Secara khusus, kajian ini bertujuan melihat perbezaan antara tahap kesediaan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran PKJR dengan jantina dan pengalaman mengajar guru. Kesediaan guru diukur daripada tiga konstruk kajian, iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu (SJKC) tersebut. Seramai 203 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di 36 buah SJKC di daerah Batu Pahat dijadikan responden kajian. Soal selidik digunakan sebagai alat pengumpulan data. Data dianalisis menggunakan statistik inferensi (ujian ANOVA) bagi melihat hubungan dan perbezaan pemboleh ubah kajian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru dalam pengajaran PKJR terhadap aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dengan pengalaman mengajar, tetapi tidak dari aspek jantina guru. Implikasi kajian ialah tahap pengalaman mengajar penting dalam menyampaikan ilmu PKJR supaya murid-murid boleh menggunakan pengetahuan, kemahiran dan sikap positif ketika menggunakan jalan raya. Dengan cara ini, matlamat PKJR akan tercapai apabila rakyat Malaysia berhempah semasa menggunakan jalan raya.

Kata kunci: Pendidikan Keselamatan Jalan Raya, pengalaman mengajar, jantina guru, sekolah jenis kebangsaan

Abstract: This study was conduct to examine the readiness of Malay Language teachers of National Type Chinese School's (NTCC) in Batu Pahat District to the Teaching of Road Safety Education (TRSE). Specifically, this study aims to see the difference between the level of readiness of Malay language teachers in teaching TRSE with teaching experience and teacher gender. Thr readiness of teachers constructs were measured from three construct that is knowledge, skills and attitudes of Malay Language teachers. A sample of 203 Malay Language teachers from 36 NTCC Batu Pahat district were select to answer the questionnaire. Data were analyzed using inference statistics (ANOVA test) to see the relationship and differences of the study variables. The findings show that there is a significant difference between the level of teacher readiness in TRSE in terms of knowledge, skills and attitudes with teaching experience, but no significant with the teachers gender. The implication of the study is that the level of teaching experience is important in imparting TRSE knowledge so that students can use knowledge, skills and positive attitudes when using the road. In this way, the goal of TRSE will be achieved when Malaysians are prudent when using the road.

Keywords: Teaching of Road Safety Education, teaching experience, teacher gender, national type school

PENGENALAN

Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 (Jabatan Perdana Menteri 2006) telah merangka satu Pelan Keselamatan Jalan Raya 2006 hingga 2010. Terdapat beberapa aspek yang terlibat dalam pelan tindakan tersebut, antaranya pendidikan, persekuyaran, penguatkuasaan dan kejureteeraan. Di samping itu, kerajaan telah memperuntukan belanjawan dan mekanisme lain untuk dalam menyelesaikan masalah keselamatan jalan raya yang berlaku di negara kita. Terdapat sembilan strategi yang diperkenalkan sebagai asas dan rangka dalam Pelan Keselamatan Jalan Raya bagi tahun 2006-2010. Salah satunya adalah dengan mempekenalkan Prgoram Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR). Pengguna-pengguna jalan raya akan didedahkan pendidikan keselamaan jalan raya melalui latihan asas pendidikan sebagai asas untuk mengubah dan memperbaiki sikap, tingkah laku dan kemahiran semasa berada di jalan raya. Pengguna-pengguna jalan raya akan diberi pendedahan mengenai cara menjaga keselamatan semasa berada di jalan raya. Selain itu, program ini juga berharap dapat menekankan kesedaran pengguna jalan raya tentang risiko yang mungkin berlaku di jalan raya.

Oleh kerana itu, Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan bahawa Program PKJR perlu dilaksanakan dari sekolah. Pelaksanaan program ini dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia bersama-sama. Program ini telah dijalankan secara berperingkat di semua sekolah mulai tahun 2007. Pelbagai peralatan khusus telah disediakan untuk memperlengkap sekolah dan para guru dalam memupuk kesedaran keselamatan di jalan raya.

PROGRAM PENDIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA

Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya ialah suatu rancangan untuk mendidik dan membimbing pengguna jalan raya supaya selalu berhemah dan berhati-hati serta bertingkah laku dengan baik di jalan raya.. Program PKJR harus bermula pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak. PKJR patut menjadi budaya dan amalan mereka sebagai seorang pengguna jalan raya. PKJR bertujuan untuk memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran

asas mengenai cara-cara menjaga keselamatan jalan raya kepada kanak-kanak. Selain itu, PKJR juga berhasrat untuk melahirkan kanak-kanak yang dapat memahami serta mengamalkan cara-cara menjaga keselamatan diri. Akhir sekali, PKJR juga berharap kanak-kanak yang menerima pendidikan keselamatan jalan raya ini dapat menghormati hak pengguna jalan raya yang lain. Satu mesyuarat penyelarasn PKJR telah diadakan dan telah memutuskan bahawa PKJR dilaksanakan secara rintis di 1000 buah sekolah rendah pada tahun 2007 dengan bantuan JKJR dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (KPM 2007). Pada 6 Jun 2008, Program PKJR dilaksanakan sebagai sisipan dalam waktu mata pelajaran Bahasa Melayu kepada murid-murid Tahun 1 seluruh negara.

PKJR telah dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara bermula tahun 2010. Pada ketika itu, PKJR memfokuskan pengajaran kemahiran berbahasa tetapi isi kandungan pengajaran tentang PKJR. Pengajaran PKJR diajar dalam waktu mata pelajaran Bahasa Melayu melalui Modul PKJR mulai Tingkatan 1. Pada tahun 2016, KPM memperkenalkan Panduan Pelaksanaan Keselamatan Jalan Raya Sekolah Rendah (KPM 2016) dan Modul De Guru Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Sekolah Rendah (KPM 2018). Panduan Pelaksanaan PKJR membantu guru mengajar kurikulum PKJR dengan kaedah yang betul. Manakala Model De Guru membantu mengajar menggunakan bahan bantu mengajar berkaitan PKJR dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Setiap sekolah diberikan kit pengajaran yang dilengkapi dengan buku panduan guru, buku aktiviti murid, poster dan cakera padat. Walaupun kit pengajaran telah dibekalkan oleh KPM, guru-guru kurang atau memang tidak menggunakannya dalam pengajaran PKJR dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Satu semakan terhadap pengajaran PKJR telah dijalankan pada tahun 2016. Sukatan pengajaran telah diubah dan seperti sebelum kit pengajaran telah disediakan oleh KPM. Bahan-bahan yang telah disediakan seperti buku aktiviti guru, buku panduan guru, modul pendedahan guru dan video audio animasi. Kit pengajaran telah disediakan dengan mengikut perkembangan pendidikan abad ke-21 dan teknologi. Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat tahap kesediaan guru Bahasa Melayu SJKC daerah Batu

Pahat dalam PKJR Pendidikan Keselamatan Jalan Raya dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dengan faktor pengalaman mengajar dan jantina guru.

PENYATAAN MASALAH

Guru Bahasa Melayu kurang pengetahuan dan pemahaman dalam penyerapan ilmu PKJR dalam waktu Bahasa Melayu. Guru-guru kurang pengetahuan dan pemahaman tentang pengajaran PKJR disebabkan kekurangan pendedahan daripada pihak berkenaan. Walaupun PKJR telah mula dilancarkan sekitar tahun 2006 tetapi bukan semua guru Bahasa Melayu diberi pendedahan tentangnya. Hal ini berlaku disebabkan pihak sekolah diminta menghantar seorang atau dua orang guru Bahasa Melayu sahaja untuk menyertainya. Walaupun kursus dalaman telah diadakan, tetapi tetap berlakunya kecairan maklumat tentang pengajaran PKJR. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Rohaida (2017) mendapati terdapat banyak faktor meyebabkan pencairan maklumat seperti kekurangan masa kursus latihan dalam perkhidmatan, guru yang menghadiri kursus masih tidak menguasai maklumat yang diberi, penerangan penceramah yang kurang jelas dan sebagainya yang mungkin berlaku. Oleh kerana faktor-faktor tersebut, guru Bahasa Melayu akan menghadapi masalah untuk memahami matlamat PKJR dijalankan dan prosedur pengendalian kurikulum PKJR di dalam kelas Bahasa Melayu.

Guru yang tidak menguasai kemahiran mengajar PKJR menyebabkan isi kandungan PKJR gagal diajar dengan berkesan. Kemahiran mengajar seseorang guru itu akan mempengaruhi proses kefahaman murid. Magdeline dan Zamri (2016) berpendapat murid akan menghadapi masalah dalam penguasaan topik yang diajar atas sebab kegagalan guru menguasai kemahiran ilmu pedagogi. Kajian Mazlan (2016) mendapati kaedah pengajaran guru yang kurang antara faktor menyebabkan pelaksanaan kurikulum PKJR tidak dapat dijalankan dengan jayanya. Dalam konteks ini, kegagalan guru menguasai kurikulum PKJR menyebabkan murid tidak dapat menguasai ilmu PKJR dengan baik.

Sikap guru terhadap pengajaran PKJR dalam waktu Bahasa Melayu. Guru berpandangan pengajaran PKJR tidak membawa faedah dalam

pencapaian murid. Guru Bahasa Melayu akan lebih fokus kepada kurikulum standard dan peperiksaan sehingga mengabaikan objektif sebenar pengajaran PKJR. Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Rohaida (2017), guru mempunyai pandangan terhadap sesuatu dasar atau program yang dilancarkan oleh kerajaan tidak akan berkekal dalam jangka masa yang panjang. Pengalaman mengajar seseorang guru saling berhubung kait dengan kualiti pengajaran sendiri (Zamri dan Anita 2020). Dengan kata lain, sikap guru juga turut mempengaruhi murid dalam pembelajaran PKJR.

Selain itu, faktor pengalaman mengajar dan jantina guru yang mengajar Bahasa Melayu menggunakan kurikulum PKJR juga belum pernah dikaji. Kebanyakan kajian PKJR seperti oleh Rafidah (2010), Mazlan (2016), Mohd Nazri dan Fadzli Shah (2017), Marinah dan Norhazwani (2017) dan lain-lain kajian lebih bersifat umum, fokus kepada muriddan tidak mengkhusus kepada faktor pengalaman mengajar dan jantina guru yang mengajar. Malahan, belum ada satu kajian yang khusus mengkaji guru Bahasa Melayu yang mengajar kurikulum PKJR di SJKC setakat ini. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan antara aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dengan faktor jantina dan pengalaman mengajar dalam mengaplikasikan kurikulum PKJR dalam pengajaran Bahasa Melayu guru-guru Bahasa Melayu SJKC daerah Batu Pahat.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kuantitatif. Statistik inferensi digunakan untuk menganalisis data soal selidik. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menenal pasti perbezaan antara tahap kesediaan guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dengan jantina guru.
2. Menenal pasti perbezaan antara tahap kesediaan guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dengan pengalaman mengajar guru.

SOALAN KAJIAN

Sebanyak enam soalan kajian dibincangkan, iaitu:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek pengetahuan dengan jantina guru?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek kemahiran dengan jantina guru?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek sikap dengan jantina guru?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek pengetahuan dengan pengalaman mengajar guru?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek kemahiran dengan pengalaman mengajar guru?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek sikap dengan pengalaman mengajar guru?

HIPOTESIS KAJIAN

Terdapat enam hipotesis telah dibentuk, iaitu:

1. Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek pengetahuan dengan jantina guru?
2. Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek kemahiran dengan jantina guru?
3. Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru Bahasa Melayu Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek sikap dengan jantina guru?

4. Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek pengetahuan dengan pengalaman mengajar guru?
5. Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek kemahiran dengan pengalaman mengajar guru?
6. Ho6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek sikap dengan pengalaman mengajar guru?

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah satu kajian tinjauan berbentuk inferensi untuk melihat perbezaan antara tahap kesediaan guru Bahasa Melayu SJKC di daerah Batu Pahat dalam pengajaran PKJR dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dengan pengalaman mengajar dan jantina. Menurut Noraini (2013), kajian tinjauan sesuai digunakan untuk melihat sesuatu situasi yang berhubung kait dengan populasi dan beberapa pemboleh ubah. Selain itu, kajian tinjauan juga boleh digunakan untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di 36 buah SJKC daerah Batu Pahat, Johor. Faktor pemilihan lokasi ini adalah kerana lokasi ini merupakan daerah di mana tempat pengkaji bekhidmat dan memudahkan proses pengedaran dan pengumpulan data.

JADUAL 1. Senarai SJKC di daerah Batu Pahat

| Bil | Nama Sekolah | Bil | Nama Sekolah |
|-----|----------------------------|-----|--------------------|
| 1 | SJKC Ai Chun 1 | 19 | SJKC Kong Nan |
| 2 | SJKC Ai Chun 2 | 20 | SJKC Kangkar Bahru |
| 3 | SJKC Buloh | 21 | SJKC Lam Lee |
| 4 | SJKC Cheng Siu 1 | 22 | SJKC Li Chun |
| 5 | SJKC Cheng Siu 2 | 23 | SJKC Malayan |
| 6 | SJKC Chern Hwa Bukit Pasir | 24 | SJKC Panchor |
| 7 | SJKC Chong Hwa Sri Gading | 25 | SJKC Pei Chun |
| 8 | SJKC Chong Hwa | 26 | SJKC Ping Ming |

| | Segenting | | |
|----|----------------------------------|----|------------------|
| 9 | SJKC Chong Hwa Sg. Ayam | 27 | SJKC Sin Hwa |
| 10 | SJKC Chong Hwa Senggarang | 28 | SJKC Sin Hwa |
| 11 | SJKC Chong Hwa Pt Kadir | 29 | SJKC Sulong |
| 12 | SJKC Chong Hwa Sri Medan | 30 | SJKC Tongkang |
| 13 | SJKC Chong Hwa Rengit | 31 | SJKC Tung Cheng |
| 14 | SJKC Chong Hwa Kangkar Senanggar | 32 | SJKC Yani |
| 15 | SJKC Chung Cheng | 33 | SJKC Yeong Chang |
| 16 | SJKC Hua Min | 34 | SJKC Yong Peng 1 |
| 17 | SJKC Hwa Jin | 35 | SJKC Yong Peng 2 |
| 18 | SJKC Hwa Nan | 36 | SJKC York Chai |

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Noraini (2013) populasi merupakan satu kelompok yang menarik perhatian pengkaji yang membolehkan pengkaji membuat generalisasi dengan menggunakan dapatan kajian. Kajian ini hanya menggunakan populasi untuk sebagai responden kajian. Populasi yang dipilih harus mempunyai ciri-ciri yang ditetapkan, iaitu guru Bahasa Melayu yang mengajar di SJKC daerah Batu Pahat. Terdapat 203 orang guru Bahasa Melayu dari 36 buah SJKC di daerah Batu Pahat telah dipilih sebagai sampel kajian ini (Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat 2019).

Instrumen Kajian

Borang soal selidik yang diguna pakai sebagai instrumen kajian dalam kajian ini. Soal selidik yang digunakan terdiri daripada 4 bahagian yang mengandungi 30 item. Terdapat lima item tentang latar belakang responden pada Bahagian A. Seterusnya, terdapat 10 item tentang pengetahuan tentang PKJR pada Bahagian B Bahagian C pula mengandungi 10 item tentang kemahiran tentang pengajaran PKJR. Akhir sekali, Bahagian D mengandungi 10 item tentang sikap guru dalam pengajaran PKJR. Soal selidik yang digunakan oleh pengkaji telah diubah suai daripada kajian Mohd Safarin dan Nur Hidayah (2014) serta kajian Mohd Qhairil Anwar dan Zamri (2018). Skala Likert lima mata yang digunakan dalam soal selidik.

Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Item

Kajian rintis telah dijalankan di beberapa buah sekolah yang berada di daerah Muar yang tidak

menjadi kawasan kajian. Ujian rintis ini melibatkan 14 orang responden yang terdiri daripada guru-guru BM yang mengajar di SJKC daerah Muar. Hasil nilai pekali alpha Cronbach yang diperoleh ialah 0.973 bagi instrumen yang digunakan. Melalui kajian rintis, nilai alpha Cronbach yang ditemui ialah 0.973 bagi konstruk pengetahuan, 0.973 bagi konstruk kemahiran dan 0.973 bagi konstruk sikap. Indeks kebolehpercayaan ini adalah tinggi dan boleh diterima pakai (McMillan & Schumacher 2006).

Analisis Data

Kajian ini dianalisis menggunakan perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS). Analisis statistik inferensi seperti Ujian ANOVA untuk melihat tahap kesediaan guru dengan pengalaman mengajar dan jantina guru. Ujian ANOVA digunakan untuk melihat perbezaan antara kesediaan guru Bahasa Melayu pengajaran PKJR daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dengan pengalaman mengajar. Aras signifikan bagi kajian ini telah ditetapkan pada nilai 0.05.

DAPATAN KAJIAN

Profil Demografi Responden Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 203 orang guru Bahasa Melayu dari 36 buah SJKC di daerah Batu Pahat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti jantina, umur, kelulusan iktisas, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar. Jadual 2 menunjukkan profil responden kajian ini.

JADUAL 2. Profil demogarfii responden kajian

| Demografi | Kekerapan | Peratusan (%) |
|---------------------|-----------|---------------|
| Jantina | | |
| Lelaki | 81 | 39.9 |
| Perempuan | 122 | 60.1 |
| Umur | | |
| 21- 30 tahun | 33 | 16.3 |
| 31- 40 tahun | 75 | 36.9 |
| 41- 50 tahun | 54 | 26.6 |
| 51- 60 tahun | 41 | 20.2 |
| Pengalaman Mengajar | | |
| 1- 5 tahun | 35 | 17.2 |
| 6- 10 tahun | 40 | 19.7 |
| 11- 15 tahun | 48 | 23.6 |
| 16- 20 tahun | 43 | 21.2 |
| 20 tahun ke atas | 37 | 18.2 |

Perbezaan antara Kesediaan Guru Bahasa Melayu SJKC Daerah Batu Pahat dalam PKJR dari Aspek Pengetahuan dengan Jantina

Jadual 3 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dari aspek pengetahuan dalam pengajaran PKJR guru Bahasa Melayu SJKC daerah Batu Pahat dengan nilai $-t = 1.487$ dan $\text{sig} = 0.138$ ($P > 0.05$). Dari segi min, guru lelaki (min = 4.14 dan SP = 0.395) mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi daripada guru perempuan (min = 4.05 dan SP = 0.409). Maka, dapatan kajian menunjukkan hipotesis nul gagal ditolak. Hal ini bermakna terdapat perbezaan dalam pengajaran PKJR dalam kalangan guru Bahasa Melayu lelaki dan perempuan. Guru Bahasa Melayu perempuan mempunyai pengetahuan yang lebih banyak berbanding guru Bahasa Melayu lelaki tentang kurikulum PKJR dan bagaimana hendak mengajar kurikulum PKJR dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

JADUAL 3: Perbezaan antara pengetahuan guru Bahasa Melayu dengan faktor jantina

| Pemboleh Ubah Jantina | Bil. | Min | Sisihan Piawai | Nilai-t | Sig (2-tailed) |
|-----------------------|------|------|----------------|---------|----------------|
| • Lelaki | 81 | 4.14 | 0.395 | 1.487 | 0.138 |
| • Perempuan | 122 | 4.05 | 0.409 | | |

Perbezaan antara Kesediaan Guru Bahasa Melayu SJKC Daerah Batu Pahat dalam PKJR dari Aspek Kemahiran dengan Jantina

Jadual 4 membincangkan hasil ujian-t tidak bersandar yang dijalankan. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dari aspek kemahiran dalam pengajaran PKJR guru Bahasa Melayu SJKC Daerah Batu Pahat dengan nilai $-t = 3.079$ dan $\text{sig} = 0.02$ ($P > 0.05$). Dari segi min, guru lelaki (Min = 4.19 dan Sisihan Piawai = 0.422) mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi daripada guru perempuan (Min = 3.98 dan Sisihan Piawai = 0.527). Maka, dapatan kajian menunjukkan hipotesis nul gagal ditolak. Hal ini bermakna terdapat dari segi kemahiran mengajar dengan jantina guru Bahasa Melayu. Guru Bahasa Melayu lelaki didapati lebih berkemahiran dalam mengajar kurikulum PKJR berbanding dengan guru Bahasa Melayu perempuan.

JADUAL 4: Perbezaan antara kemahiran guru Bahasa Melayu dengan faktor jantina

| Pemboleh Ubah Jantina | Bil. | Min | Sisihan Piawai | Nilai-t | Sig (2-tailed) |
|-----------------------|------|------|----------------|---------|----------------|
| • Lelaki | 81 | 4.19 | 0.422 | 3.079 | 0.002* |
| • Perempuan | 122 | 3.98 | 0.527 | | |

Perbezaan antara Kesediaan Guru Bahasa Melayu SJKC Daerah Batu Pahat dalam PKJR dari Aspek Sikap dengan Jantina

Jadual 5 membincangkan hasil ujian-t tidak bersandar yang dijalankan. Dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dari aspek sikap dalam pengajaran PKJR guru Bahasa Melayu SJKC Daerah Batu Pahat dengan nilai $-t = 2.095$ dan $\text{sig} = 2.095$ ($P > 0.05$). Dari segi min, guru lelaki (Min = 4.08 dan Sisihan Piawai = 0.459) mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi daripada guru perempuan (Min = 3.93 dan Sisihan Piawai = 0.557). Maka, dapatan kajian menunjukkan hipotesis nul gagal ditolak. Hal ini bermakna guru Bahasa Melayu lelaki mempunyai sikap yang lebih baik dalam pengajaran kurikulum PKJR berbanding guru Bahasa Melayu perempuan. Guru lelaki lebih bersedia dalam mengajar kurikulum PKJR berbanding guru perempuan.

JADUAL 5: Perbezaan antara sikap guru Bahasa Melayu dengan faktor jantina

| Pemboleh Ubah Jantina | Bil. | Min | Sisihan Piawai | Nilai-t | Sig (2-tailed) |
|-----------------------|------|------|----------------|---------|----------------|
| • Lelaki | 81 | 4.08 | 0.459 | 2.095 | 0.037 |
| • Perempuan | 122 | 3.93 | 0.557 | | |

Perbezaan antara Kesediaan Guru Bahasa Melayu SJKC Daerah Batu Pahat dalam PKJR dari Aspek Pengetahuan dengan Pengalaman Mengajar

Jadual 6 membincangkan hasil ujian ANOVA yang dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar dari aspek pengetahuan dalam pengajaran PKJR dengan nilai signifikan 0.006 ($p < 0.05$). Maka, hipotesis nol ditolak. Hal ini bermakna faktor pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu tidak mempengaruhi pengetahuan guru tentang ilmu PKJR tersebut. Semakin banyak

pengalaman mengajar, maka semakin banyak pengetahuan guru tentang pengajaran kurikulum PKJR dalam pendidikan Bahasa Melayu.

JADUAL 6. Perbezaan antara kesediaan guru Bahasa Melayu SJKC dalam pengajaran PKJR dari aspek pengetahuan dengan pengalaman mengajar

| | Jumlah Kuasa Dua | df | Min Kuasa Dua | F | Sig. |
|-----------------|------------------|-----|---------------|-------|-------|
| Antara Kumpulan | 2.352 | 4 | .588 | 3.776 | .006* |
| Dalam Kumpulan | 30.830 | 198 | .156 | | |
| Jumlah | 33.182 | 202 | | | |

Perbezaan antara Kesediaan Guru Bahasa Melayu SJKC Daerah Batu Pahat dalam PKJR dari Aspek Kemahiran dengan Pengalaman Mengajar

Jadual 7 membincangkan hasil ujian ANOVA yang dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar dari aspek kemahiran dalam pengajaran PKJR dengan nilai signifikan 0.000 ($p < 0,05$). Maka, hiptotesis nol ditolak. Hal ini bermakna faktor kemahiran guru Bahasa Melayu tidak mempengaruhi pengalaman mengajar kurikulum PKJR.

JADUAL 7. Perbezaan antara kesediaan guru Bahasa Melayu SJKC dalam pengajaran PKJR dari aspek kemahiran dengan pengalaman mengajar

| | Jumlah Kuasa Dua | df | Min Kuasa Dua | F | Sig. |
|-----------------|------------------|-----|---------------|--------|-------|
| Antara Kumpulan | 9.045 | 4 | 2.261 | 10.882 | .000* |
| Dalam Kumpulan | 41.144 | 198 | .208 | | |
| Jumlah | 50.189 | 202 | | | |

Perbezaan antara Kesediaan Guru Bahasa Melayu SJKC Daerah Batu Pahat dalam PKJR dari Aspek Sikap dengan Pengalaman Mengajar

Jadual 8 membincangkan hasil ujian ANOVA yang dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar dari aspek sikap dalam

pengajaran PKJR dengan nilai signifikan 0.000 ($p < 0,05$). Maka, hiptotesis nol ditolak. Hal ini bermakna faktor sikap tidak mempengaruhi pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu SJKC ketika mengajar kurikulum PKJR. Sikap lelaki mahupun guru perempuan, sikap guru berpengalaman dan kurang berpengalaman tidak mempengaruhi pengalaman guru mengajar PKJR dalam pengajaran Bahasa Melayu

JADUAL 8. Perbezaan antara kesediaan guru Bahasa Melayu SJKC dalam pengajaran PKJR dari aspek sikap dengan pengalaman mengajar

| | Jumlah Kuasa Dua | df | Min Kuasa Dua | F | Sig. |
|-----------------|------------------|-----|---------------|--------|-------|
| Antara Kumpulan | 11.445 | 4 | 2.861 | 13.208 | .000* |
| Dalam Kumpulan | 42.892 | 198 | .217 | | |
| Jumlah | 54.337 | 202 | | | |

PERBINCANGAN

Tahap Kesediaan Guru Bahasa Melayu di SJKC Daerah Batu Pahat dalam Pengajaran PKJR dari Aspek Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Jantina Guru

Dari segi pengetahuan dengan jantina, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan. Dalam kajian ini, guru perempuan Bahasa Melayu mempunyai pengetahuan yang lebih baik berbanding guru lelaki Bahasa Melayu tentang kurikulum PKJR dan bagaimana hendak mengajar kurikulum PKJR dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Walaupun guru perempuan lebih ramai (122 orang) berbanding guru lelaki (81 orang), tetapi dapatan ini membuktikan bahawa faktor jantina mempengaruhi cara guru Bahasa Melayu mengajar. Guru perempuan tahu bagaimana hendak mengajar Bahasa Melayu menggunakan kurikulum PKJR. Pengetahuan yang baik ini membolehkan pengajaran PKJR dalam pengajaran Bahasa Melayu dapat dilaksanakan dengan baik.

Dapatan kajian ini menyamai kajian yang dijalankan oleh Ermertah (2018) yang mendapati guru perempuan Bahasa Melayu mempunyai pengetahuan dalam melaksanakan pemikiran inventif dalam pengajarannya berbanding guru lelaki. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini

bertentangan dengan kajian Mohd Qhairil Anwar dan Zamri (2018) serta Roslinda dan Zamri (2020). Sebagai contoh, kajian Mohd Qhairil Anwar dan Zamri (2018) mendapati faktor pengetahuan guru tidak mempengaruhi jantina guru Bahasa Melayu dalam menerapkan enam topi pemikiran. Baik guru perempuan mahupun guru lelaki, mereka sama-sama mengaplikasikan enam topi pemikiran dalam pengajaran mereka. Demikian juga kajian Roslinda dan Zamri (2020) yang mendapati bahawa guru-guru Bahasa Melayu menggunakan Modul PKJR dengan baik dan optimum. Guru perempuan dan guru lelaki mengaplikasikan kurikulum PKJR dengan baik ketika mengajar di dalam kelas Bahasa Melayu.

Dari segi kemahiran dengan faktor jantina pula, dapatan kajian mendapati guru lelaki lebih berkemahiran dalam mengajar kurikulum PKJR berbanding dengan guru perempuan Bahasa Melayu. Hal ini bermakna guru lelaki, terutamanya yang mempunyai pengalaman mengajar lebih berkemahiran menerapkan kurikulum PKJR di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini Dapatan kajian ini selari dengan kajian Rosmaliza (2019) di mana semakin lama seseorang guru itu mengajar, maka semakin banyak ilmu yang mereka dapati. Semakin banyak ilmu diperoleh, maka semakin berkemahiran guru berkenaan dalam tajuk atau mata pelajaran yang diajar. Hal ini yang ditemui dalam kajian ini di mana guru-guru lelaki yang mempunyai pengalaman mengajar lebih berkemahiran dalam menerapkan kurikulum PKJR dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berbanding guru perempuan walaupun guru perempuan tersebut merupakan guru Bahasa Melayu yang berpengalaman mengajar. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Roslinda dan Zamri (2020) yang mendapati tidak ada perbezaan dari segi kemahiran mengajar kurikulum PKJR guru Bahasa Melayu. Guru lelaki dan guru perempuan, guru berpengalaman ataupun kurang berpengalaman, mereka sama-sama mengaplikasikan kurikulum PKJR ketika mengajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Dari segi faktor sikap dengan jantina pula, dapatan kajian ini mendapati guru lelaki Bahasa Melayu mempunyai sikap yang lebih positif dalam mengaplikasikan kurikulum PKJR berbanding guru perempuan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Sikap positif guru lelaki ini dapat dilihat

dari segi kesediaan mereka mengajar kurikulum PKJR berbanding guru perempuan. Sikap positif guru lelaki ini ada kaitannya dengan kemahiran mengajar mereka. Hampir 82.8 peratus atau 168 orang guru Bahasa Melayu di SJKC ini ialah guru yang berpengalaman mengajar. Sudah tentu guru-guru lelaki Bahasa Melayu berpengalaman ini mempunyai sikap yang positif dalam mengaplikasikan kurikulum PKJR dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berbanding guru perempuan. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Mohd Qhairil Anwar dan Zamri (2018) di mana faktor sikap guru Bahasa Melayu sama ada guru lelaki mahupun guru perempuan tidak mempengaruhi faktor sikap guru. Guru lelaki dan guru perempuan Bahasa Melayu sama-sama mempunyai sikap positif dalam mengaplikasikan enam topi pemikiran ketika mengajar Bahasa Melayu.

Sebagai rumusan, dari segi jantina, hanya faktor pengetahuan sahaja yang menunjukkan perbezaan antara guru lelaki dengan guru perempuan SJKC yang mengajar kurikulum PKJR dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Guru perempuan Bahasa Melayu SJKC lebih berpengetahuan tentang kurikulum PKJR berbanding guru lelaki Bahasa Melayu SJKC. Sebaliknya, faktor kemahiran kemahiran dan sikap menunjukkan guru lelaki Bahasa Melayu SJKC lebih berkemahiran dan lebih bersikap positif dalam mengaplikasikan kurikulum PKJR dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Tahap Kesediaan Guru Bahasa Melayu di SJKC Daerah Batu Pahat dalam Pengajaran PKJR dari Aspek Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap dengan Pengalaman Mengajar Guru

Hasil kajian ini mendapati tahap kesediaan guru terhadap aspek pengetahuan terhadap pengajaran PKJR adalah tinggi. Dapatan ini dapat menggambarkan guru-guru Bahasa Melayu SJKC telah memperoleh pengetahuan yang baik tentang PKJR secara menyeluruh seperti konsep, matlamat, objektif, modul dan peranan guru. Berdasarkan dapatan kajian, kebanyakan guru pernah menghadiri kursus PKJR sama ada semasa berada di IPG dan Universiti Awam atau latihan dalam perkhidmatan. Kursus yang dihadiri oleh guru-guru Bahasa Melayu berjaya mendedahkan segala informasi mengenai PKJR dengan baik

sehingga mereka memiliki tahap pengetahuan yang tinggi. Seseorang guru harus melengkapi diri dengan pengetahuan dan konsep sesuatu mata pelajaran supaya dapat proses pengajaran lancar dan sempurna. Berdasarkan Magdeline dan Zamri (2016), penguasaan pengetahuan isi kandungan merupakan perkara asas bagi para guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran. Melalui proses pengajaran yang berkualiti dan berkesan, pencapaian murid juga mendapatkan kesan.

Secara keseluruhannya, pengetahuan guru memainkan peranan penting dalam pengajaran PKJR. Guru perlu mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai bidang yang ingin diajar supaya segala perancangan pengajaran lancar dan memberi manfaat kepada murid. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan Zarina (2017) yang mendapati guru-guru yang berpengalaman mengajar lebih daripada 20 tahun mempunyai tahap kesediaan pengetahuan yang baik untuk mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pengajaran. Dalam kajian ini, didapati guru-guru Bahasa Melayu yang berpengalaman mengajar 20 tahun ke atas pernah menyertai kursus pendedahan PKJR selama 4 hari. Maka mereka mempunyai tahap pengetahuan tentang PKJR yang tinggi.

Namun demikian, dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Nor Hadibah et al. (2020) yang mendapati faktor pengalaman mengajar tidak mempengaruhi amalan pengajaran terbaik guru Bahasa Melayu. Hal ini bermakna faktor pengalaman bukanlah faktor utama menjadikan sesuatu pengajaran itu berkualiti, tetapi terdapat banyak faktor lain yang turut mempengaruhi pengajaran guru. Pengetahuan guru Bahasa Melayu yang baik tentang pengajaran PKJR menjadi asas penting untuk membantu guru lebih bersedia untuk melaksanakannya berbanding faktor pengalaman mengajar. Sekiranya pihak KPM ingin mempertingkatkan pengetahuan guru tentang pengajaran PKJR, maka haruslah mengadakan lebih banyak kursus mengenai PKJR supaya guru lebih berpengetahuan untuk melaksanakannya.

Dari segi tahap kesediaan guru bagi aspek kemahiran terhadap pengajaran PKJR juga adalah tinggi. Dapatan kajian ini telah menunjukkan guru mempunyai kemahiran pengajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya yang mantap. Kemahiran mengajar memainkan peranan yang penting dalam

menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran pada hari itu. Kemahiran mengajar wajib dikuasai kerana ia merupakan kemahiran asas bagi setiap orang guru. Nor Amalina dan Zanaton (2018) berpendapat bahawa kemahiran pengajaran merupakan asas yang terpenting dalam penyampaian ilmu dan maklumat kepada para murid. Mereka juga berpendapat guru sepatutnya menguasai kemahiran menjalankan pelbagai pendekatan yang dipilih semasa pengajaran dijalankan.

Selain itu, Zamri dan Anita (2020) juga menyatakan bahawa kemahiran mengajar guru penting bagi mendidik dan menilai murid. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan guru telah mengintegrasikan pengalaman mereka sendiri dalam pengajaran PKJR. Guru juga merupakan pengguna jalan raya akan lebih memahami keadaan jalan raya yang sebenar. Justeru, pengalaman guru dalam jalan raya merupakan alat bantu mengajar yang terbaik serta memberi kesan yang positif kepada murid-murid untuk mempelajari PKJR. Murid-murid akan lebih berminat sekiranya guru berkongsi pengalaman mereka semasa berada di jalan raya berbanding dengan petikan yang terdapat dalam buku teks serta video yang ada pada Internet. Guru harus bijak merancang pengajaran mereka dengan menyerap perkongsian pengalaman dalam pengajaran PKJR. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Rosmaliza (2019) di mana semakin lama seseorang guru itu mengajar, maka semakin banyak ilmu yang mereka dapati.

Dari aspek sikap menunjukkan sikap guru-guru Bahasa Melayu SJKC terhadap pengajaran PKJR pada tahap yang tinggi. Guru-guru telah menerima PKJR dengan hati yang terbuka dan memberi sokongan kepada PKJR. Tahap sikap yang tinggi membawa harapan yang besar kepada PKJR bagi merealisasikan objektif PKJR. Dapatan kajian mendapati guru ingin meningkatkan kemahiran pengajaran PKJR diri sendiri dan suka menimba ilmu baharu dalam menguasai pedagogi dalam pengajaran PKJR adalah berada pada tahap yang tinggi. Dunia pendidikan berkembang pesat, guru-guru harus mengambil inisiatif untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran terutamanya kemahiran pengajaran. Dapatan kajian ini selari dengan kenyataan Mohammed Sani dan Jamalul Lail (2012) yang mendapati guru yang mempunyai sikap yang positif akan mencari

ilmu sendiri dan berusaha menerapkannya di dalam kelas. Guru-guru mempunyai sikap yang positif akan selalu mengadakan sesi perkongsian ilmu antara rakan sejawat untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan menyelesaikan masalah dihadapi semasa pengajaran PKJR. Guru-guru yang selalu berkongsi ilmu bersama rakan sejawat dapat mengekalkan kecemerlangan pontesi diri sendiri.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan guru-guru akan menyediakan bahan bantu mengajar PKJR bersama rakan sejawat. Kerja berpasukan akan memudahkan segala kerja berat dan meringankan bebanan guru yang semakin banyak. Dapatan kajian selaras dengan Zul Aizam dan Norlena (2018) serta Noor Habibah dan Mohd Izham (2019) yang berpendapat amalan kerja berpasukan dapat memudahkan urusan organisasi, meningkatkan kebolehan dan kemahiran guru, di samping mencapai matlamat sekolah dan meningkatkan kecemerlangan sekolah dalam kurikulum dan kokurikulum.

Kesimpulannya, guru Bahasa Melayu SJKC mempunyai pengetahuan, memiliki kemahiran dan mempamerkan sikap positif dalam pengajaran kurikulum PKJR. Guru-guru Bahasa Melayu mempersiapkan diri dalam pelbagai aspek seperti menuntut ilmu, berkongsi ilmu bersama rakan sejawat serta menerima sesuatu dasar atau program yang dilancarkan oleh kerajaan. Sikap-sikap positif yang ada pada guru Bahasa Melayu memberi impak yang besar kepada PKJR dan seterusnya mencapai objektif pengajaran PKJR yang dihasratkan oleh kerajaan.

KESIMPULAN

Guru Bahasa Melayu harus bersikap positif untuk menerima perubahan dan penambahbaikan dalam pendidikan. Guru memainkan peranan penting untuk mendedahkan ilmu pengetahuan PKJR dan seterusnya menyedarkan anak bangsa supaya selalu berhati-hati di jalan raya demi mencapai hasrat kerajaan untuk mengurangkan kes kemalangan jalan raya. Pihak pentadbir sekolah perlu berperanan dalam merancang dan memastikan segala kurikulum dan program yang ditetapkan oleh pihak KPM termasuklah PKJR dijalankan dengan lancar dan sempurna. Pihak pentadbir boleh mengadakan latihan dalam perkhidmatan atau kursus dalaman untuk

membantu guru-guru Bahasa Melayu meningkatkan dan menguasai pengetahuan dan kemahiran mengajar mereka dalam PKJR. Guru-guru yang pernah menghadiri kursus pendedahan di mana-mana peringkat sama ada peringkat daerah, peringkat negeri ataupun peringkat kebangsaan harus dilantik menjadi mentor untuk memberi bimbingan kepada guru-guru yang lain supaya guru-guru Bahasa Melayu faham konsep PKJR.

Masalah yang dihadapi oleh guru semasa pengajaran PKJR juga harus diambil berat oleh pihak KPM untuk guru lebih mudah menjalankan pengajaran dan seterusnya mencapai matlamat PKJR. Matlamat PKJR adalah menjadikan rakyat Malaysia berhemah semasa menggunakan jalan raya dan seterusnya mempertingkatkan tahap keselamatan jalan raya di negara kita Malaysia pada masa yang akan datang seiring dengan harapan kerajaan bagi berada pada taraf yang sama tinggi bersama negara-negara maju daripada aspek tahap keselamatan jalan raya. Maka, tahap kesediaan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran PKJR adalah penting untuk mencapai matlamat yang diharapkan oleh kerajaan Malaysia.

RUJUKAN

- Ermertah Johari. (2018). Penyerapan pemikiran inventif dalam pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah dan menengah berdasarkan jantina, pengalaman mengajar dan kategori sekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (2): 39-47.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2007). *Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Model De Guru Pendidikan Keselamatan Jalan Raya*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kerajaan Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Magdeline anak Nor & Zamri Mahamod. (2016). *Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru*

- Bahasa Iban*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marisnah Awang & Norhazwani Suyanto. (2017). Pendekatan keselamatan dan kesejahteraan murid-sekolah-sekolah di Malaysia. *Management Research Journal*, 7 (1): 139-153.
- Mazlan Ismail. (2016). Kesan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya terhadap niat membentuk sikap positif dalam kalangan murid sekolah rendah. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.
- McMillan & Schumacher. (2006). *Research in Education: Evidence-Based Inquiry*. Boston: Allyn & Bacon.
- Mohammed Sani Ibrahim & Jamalul Lail Abdul Wahab. (2012). *Kepimpinan Pendidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nazri Hashim & Fadzli Shah Abd Aziz. (2017). Pengaruh pengetahuan keselamatan dalam kalangan guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4 (2): 1-13.
- Mohd Qhairil Anwar Azahar & Zamri Mahamod. (2018). Tahap perbezaan pengetahuan, sikap dan amalan menggunakan enam topik pemikiran berdasarkan jantina dan pengkhususan dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (2): 13-24.
- Mohd Safarin Nordin & Nur Hidayah Ismail. (2014). Kesediaan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran. *Proceedings of International Seminar on Technical and Vocational Education*, 475-483.
- Muhammad Hafizan Mohd Suahiri & Anuar Hamad. (2017). Pengaruh pengetahuan isi kandungan terhadap aplikasi teknologi maklumat. International Conference on Global Education.
- Nor Amalina Ab. Hakim & Zanaton Iksan. (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah dalam mata pelajaran Sains. *Prosiding Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan*, 72-82.
- Nor Habibah Kaderan & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2019). *Pengurusan Kokurikulum di Sekolah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan & Dyah Werdiningsih. (2020). Hubungan antara lokasi sekolah rendah dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan amalan pengajaran mereka. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2): 1-14.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor: McGraw-Hill (M) Sdn. Bhd.
- Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat. (2019). <http://ppdbp.edu.my>. (Diakses pada 20 November 2019).
- Rafidah Ibrahim. (2010). Tahap pengetahuan dan amalan keselamatan jalan raya ibu bapa dan kanak-kanak prasekolah di Kuala Langat, Selangor. Kertas Projek Sarjana muda. Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.
- Rohaida Mazlan. (2017). Tahap Pengetahuan, pemahaman dan kesediaan guru bahasa melayu dalam melaksanakan kajian pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (2): 30-40.
- Roslinda Ghafar & Zamri Mahamod. (2020). Amalan pengajaran guru Bahasa Melayu menggunakan Modul PKJR. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2 (2): 170-177.
- Rosmaliza Mat Arifin. (2019). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru matematik sekolah rendah terhadap pendekatan peta pemikiran *i-think*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (2020). *Profesion Keguruan dan Pembangunan Insan*. (Pnyt.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zarina Abdul Rashid. (2017). Tahap kesediaan guru dalam aspek pengetahuan dan keperluan latihan berfokuskan aplikasi KBAT. Laporan Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zul Aizam Yassin & Norlena Salamuddin. (2018). *Mengurus Organisasi Sukan: Cabaran dan Tanggungjawab*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.